



Khidmat mengasuh bayi atau menjaga **kanak-kanak (child)**, tetapi tidak termasuk **urusan tidak rasmi (informal arrangement)** untuk keperluan sendiri atau keluarga.

Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap [kerja berkenaan kanak-kanak](#). Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang kanak-kanak. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- pengasuh bayi, kecuali urusan tidak rasmi dengan **saudara mara (relatives)** atau kawan-kawan
- pembantu rumah tangga yang mengasuh bayi, kecuali urusan tidak rasmi dengan saudara mara atau kawan-kawan
- pekerja yang menguruskan kanak-kanak di tempat menjaga kanak-kanak tidak berlesen di pusat rekreasi, gereja, kelab kesihatan atau pusat membeli belah
- penjaga komersial yang menjaga kanak-kanak (untuk ibu bapa berehat), kecuali urusan tidak rasmi dengan saudara mara atau kawan-kawan

Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa [exemption](#) untuk kategori ini:

- **sukarelawan (volunteers)** muda – kerja yang dilakukan oleh sukarelawan bawah umur 18 tahun
- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA

- kalau kanak-kanak mengikuti aktiviti, atau biasanya mengikuti aktiviti, dan **ibu atau bapanya (parent)** menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, lihat [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption](#)
- acara besar nasional atau jelajah nasional, lihat [Factsheet CRW02 – Exemptions, one-off national events and national tours.](#)

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di www.workingwithchildren.wa.gov.au